


Bab ini bertujuan menunjukkan beberapa petunjuk sosio-ekonomi terhadap kualiti hidup penduduk. Petunjuk-petunjuk ini meliputi bidang yang luas, antaranya kesihatan, penyakit sosial dan ketenteraman awam. Termasuk dalam kategori ini ialah penagihan dadah, penganiayaan kanak-kanak, kes juvana, corak kehidupan yang kurang sihat, jenayah ganas dan penyakit berjangkit, AIDS dan kemalangan industri. Maklumat mengenai kemudahan asas sosial yang ada dalam sektor kesihatan, pendidikan, perumahan dan utiliti disediakan memandangkan ianya juga memberi gambaran terhadap kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk.

Carta-carta ini berdasarkan kepada data siri masa bagi beberapa tahun terpilih, supaya perbandingan dapat dibuat. Ulasan ringkas ke atas arah aliran disediakan bagi setiap carta.

Kesihatan


Carta 10.1
Sebab Utama Kematian di Hospital Kerajaan di Malaysia



Sumber : Kementerian Kesihatan


Penyakit jantung dan penyakit peredaran paru-paru adalah punca utama kematian yang merangkumi 15.5% daripada jumlah kematian di hospital kerajaan pada tahun 1995. Ini diikuti oleh kematian akibat dari septisimia (10.3%), penyakit cerebrovaskular (9.6%), kemalangan (9.5%), keadaan tertentu berpunca dalam tempoh perinatal (8.7%) dan kanser atau malignant neoplasm (8.6%). Kematian disebabkan penyakit jantung dan penyakit peredaran paru-paru, keadaan tertentu berpunca dalam tempoh perinatal dan kanser (malignant neoplasm) menunjukkan arah aliran menurun manakala kematian berpunca dari septisimia, kemalangan dan penyakit cerebrovaskular menunjukkan arah aliran meningkat.

Carta 10.2
Empat Penyakit Berjangkit Utama yang Wajar
Dilaporkan di Malaysia



Sumber : Kementerian Kesihatan

Carta 10.3
Jangkitan HIV, Kes AIDS dan Kematian yang
Dilaporkan




Sumber : Kementerian Kesihatan

Daripada 24 penyakit berjangkit yang wajib dilaporkan, kolera, cirit birit, keracunan makanan, viral hepatitis, denggi, malaria, batuk kering dan penyakit kelamin berjangkit, terus menjadi penyebab utama kemasukan ke hospital (morbidity). Walaupun kebanyakan penyakit ini masih wujud dalam negara, penyakit dan kematian berpunca daripadanya dapat dikurangkan ekoran dari kesedaran umum yang meningkat kepada kebersihan persekitaran, program suntikan kanak-kanak dan peningkatan pengawasan di pintu masuk negara. Pada tahun 1995, sebanyak 6,543 kes demam denggi dan demam denggi berdarah telah dilaporkan berbanding 1,924 kes yang dilaporkan pada tahun 1990. Sejumlah 59,208 kes malaria dilaporkan pada tahun 1995 berbanding 50,500 kes pada tahun 1990. Daripada jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 1995, Sabah mencatatkan 84.2%, Semenanjung Malaysia 13.1% dan Sarawak mencatatkan 2.7% kes. Kes kolera yang dilaporkan pada tahun 1995 ialah sebanyak 2,209 kes berbanding 2,066 kes pada tahun 1990. Arah aliran bagi penyakit kelamin berjangkit termasuk jangkitan Gonokokol, Sifilis dan Chancroid di dapati menurun seperti ditunjukkan oleh bilangan kes yang dicatat pada tahun 1990 iaitu sebanyak 4,411 kes berbanding dengan 2,408 kes yang dicatatkan pada tahun 1995.

Sehingga hujung tahun 1995 jumlah bilangan kes HIV terkumpul yang dicatat ialah sebanyak 14,418 kes, yang mana sebanyak 3,546 kes dilaporkan pada tahun 1995. Virus HIV menular di Malaysia kebanyakannya berpunca dari penagih dadah secara suntikan yang menyumbang sebanyak 76% daripada kes yang dilaporkan. Sebanyak 95.6% kes HIV dilaporkan melibatkan golongan lelaki dan 83.6% kes berkenaan datangnya dari kumpulan umur antara 20 hingga 39 tahun. Mulai dari tahun 1986 hingga 1995, terdapat 331 kes AIDS dengan 283 kematian dilaporkan. Daripada 331 kes AIDS tersebut, sebanyak 142 kes dilaporkan pada tahun 1995.

Carta 10.4
Nisbah Penduduk Bagi Kakitangan Kesihatan
Terpilih




Sumber : Kementerian Kesihatan

Adanya tenaga manusia yang terlatih dalam bidang kesihatan, sedikit sebanyak menentukan mutu penjagaan kesihatan negara. Dari segi anggota profesional kesihatan, nisbahnya kepada penduduk telah bertambah baik sejak tahun 1980. Bilangan jumlah doktor meningkat daripada 3,858 doktor pada tahun 1980 kepada 9,505 doktor pada tahun 1995 menyebabkan bertambah baik nisbah doktor-penduduk daripada 1:3,800 penduduk pada tahun 1980 kepada 1:2,177 penduduk pada tahun 1995.

Nisbah ahli farmasi-penduduk bertambah baik daripada 1:28,058 penduduk pada tahun 1980 kepada 1:12,756 penduduk pada tahun 1995. Nisbah doktor gigi-penduduk juga bertambah baik dari 1:19,815 penduduk pada tahun 1980 kepada 1:11,552 penduduk pada tahun 1995. Bagi jururawat (dalam sektor awam sahaja) nisbahnya ialah 1:1,800 penduduk pada tahun 1980 dan 1:1,516 penduduk pada tahun 1995.

Carta 10.5
Bilangan Hospital dan Institusi Perubatan Khas dan Katil




Sumber : Kementerian Kesihatan

Kemudahan kesihatan diperkukuhkan lagi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan penyalurannya. Bilangan hospital, institusi perubatan khas dan klinik telah bertambah dalam tempoh tahun 1980 hingga 1995. Pada tahun 1980, terdapat 94 hospital kerajaan dengan 24,400 katil dan 8 institusi perubatan khas seperti Hospital Sakit Mental Tanjung Rambutan dan Pusat Rawatan Kusta di Sungai Buloh dengan 10,230 katil. Pada tahun 1995, bilangan hospital kerajaan meningkat kepada 118 dengan 26,900 katil manakala bilangan institusi perubatan khas menurun kepada 7 dengan 6,700 katil. Bagi klinik kerajaan dan pusat kesihatan di daerah dan perkampungan, bilangannya juga bertambah dari 2,517 kepada 2,861.

Penyakit Sosial

Carta 10.6


Kes Baru Penderaan Kanak-kanak yang Dilaporkan dan Tindakan yang Diambil



Sumber : Kementerian Kesihatan


Pada tahun 1995, terdapat 1,117 kes penganiayaan kanak-kanak dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat berbanding 511 kes pada tahun 1990 (peningkatan sebanyak 118.6%). Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 memperuntukkan tindakan untuk diambil oleh Jabatan bagi melindungi kanak-kanak yang dianiayai dengan menempatkan kanak-kanak tersebut di tempat perlindungan sementara, dengan keluarga yang sesuai, di bawah penyeliaan dan lain-lain. Pada tahun 1995, 20.7% kes penganiayaan kanak-kanak telah ditempatkan di pusat perlindungan sementara, 14.8% dengan keluarga yang sesuai, 39.1% di bawah penyeliaan, sementara bakinya sebanyak 25.4% disediakan perkhidmatan kaunseling atau kembali kepada keluarga masing-masing dan sebagainya.

Carta 10.7
Perangkaan Penganiayaan Terhadap
Wanita dan Gadis



Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Carta 10.8
Penagih Dadah




Sumber : Pasukan Petugas Anti Dadah

Wanita dan gadis di bawah umur 21 tahun yang telah didedahkan kepada bahaya moral dan terlibat dalam pelacuran dilindungi di bawah Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973. Pada tahun 1995, wanita dan gadis yang dijadikan pelacur menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 189 kes pada tahun berkenaan berbanding dengan 325 kes pada tahun 1990, penurunan sebanyak 42%. Terdapat 432 kes penganiayaan dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1995 berbanding 133 kes yang dilaporkan pada tahun 1990 yang mencerminkan peningkatan lebih dari tiga kali ganda.


Jawatankuasa Anti Dadah di bawah Majlis Keselamatan Negara telah ditubuhkan pada 10 September 1983 untuk mengawasi dan mengawal semua aspek aktiviti anti narkotik. Dari tahun 1988 hingga 1995 sejumlah 194,797 penagih dadah termasuk penagih baru dan berulang telah dikesan. Pada puratanya, seramai 2,800 penagih dikesan pada setiap bulan. Pada tahun 1995 seramai 13,140 penagih baru dikesan yang mencerminkan kadar 1,095 penagih baru setiap bulan. Program pencegahan dan pemulihan penagih dadah telah ditingkatkan dengan tumpuan diberikan pada pengesanan, rawatan, pemulihan di institusi, penyeliaan dan penjagaan selepas rawatan.

Carta 10.9
Jumlah Kes Kesalahan Juvana
(Didapati bersalah di Mahkamah)



Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Carta 10.10
Jenayah Keganasan Terpilih yang Dilaporkan
Kepada Polis




Sumber : Polis Di Raja Malaysia

Bilangan kes juvana telah meningkat sejak tahun 1981, lebih ketara lagi dari tahun 1990. Terdapat 4,012 kes juvana pada tahun 1995 berbanding 3,877 kes pada tahun 1985. Kesalahan remaja pada tahun 1995 melibatkan kesalahan merosakkan hartabenda (2,659 kes atau 66.3%), kesalahan terhadap orang ramai (339 kes atau 8.4%), terlibat dengan perjudian (143 kes atau 3.6%), kesalahan lalulintas (157 kes atau 3.9%) atau dan kesalahan lain (714 kes atau 17.8%).

Pada tahun 1995, jenayah kekerasan yang dilaporkan kepada polis meningkat sebanyak 2.3% berbanding dengan tahun 1994. Sementara arah aliran bagi kes serangan, samun, cuba membunuh dan pembunuhan menurun pada tiga tahun yang lepas, kes-kes seperti samun berkumpulan dan rogol meningkat. Bagi setiap seratus ribu penduduk, terdapat 26.9 kes samun dan serangan yang dilaporkan pada tahun 1995 berbanding 31.3 kes pada tahun 1993. Kes pembunuhan menurun dari 2.2 kes pada tahun 1993 kepada 2.0 kes bagi setiap seratus ribu penduduk pada tahun 1995 dan kes cubaan membunuh menurun dari 0.4 kes pada tahun 1993 kepada 0.2 kes pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, kes rogol yang dilaporkan meningkat dari 4.4 kes bagi setiap seratus penduduk pada tahun 1993 kepada 5.1 kes pada tahun 1995 manakala samun berkumpulan meningkat sedikit dari 3.1 kes pada tahun 1993 kepada 3.2 kes pada tahun 1995.


Pendidikan

Carta 10.11
Nisbah Guru - Pelajar
(Bilangan murid bagi setiap guru)



Sumber : Kementerian Pendidikan

Carta 10.12
Enrolmen Pelajar di Sekolah Rendah, Menengah
dan Institusi Pendidikan Tinggi




Sumber : Kementerian Pendidikan

Petunjuk bagi penyediaan pendidikan berkualiti dapat digambarkan melalui nisbah guru-pelajar. Nisbah guru-pelajar yang rendah dapat memudahkan peningkatan prestasi akademik pelajar-pelajar. Pada tahun 1980, nisbah guru-pelajar di sekolah rendah bantuan kerajaan ialah 1:27.3 pelajar. Ini bertambah baik dalam tahun 1995 dengan nisbah guru-pelajar 1:20.3 pelajar. Trend yang sama telah dilihat di sekolah menengah bantuan kerajaan di mana nisbah guru-pelajar telah bertambah baik iaitu daripada 1:22.8 pelajar dalam tahun 1980 kepada 1:18.3 pelajar dalam tahun 1995.

Pencapaian pendidikan umum dapat digambarkan melalui peningkatan nisbah enrolmen. Di Malaysia, peningkatan enrolmen di peringkat sekolah rendah dan menengah yang berterusan telah dilihat. Enrolmen pelajar di peringkat sekolah rendah meningkat daripada 2.01 juta dalam tahun 1980 kepada 2.83 juta dalam tahun 1995, sementara enrolmen di peringkat sekolah menengah meningkat daripada 1.08 kepada 1.65 juta. Enrolmen di peringkat universiti juga meningkat dari 26,410 pelajar dalam tahun 1980 kepada 96,247 pelajar dalam tahun 1995.


Kemudahan Awam

Carta 10.13
Liputan Bekalan Air dan Elektrik



Sumber : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Carta 10.14
Bilangan Telefon Setiap 100 Penduduk dan Pelanggan Telefon Mengikut Sektor



Sumber : Telekom Malaysia Berhad

Penyediaan kemudahan-kemudahan awam asas yang mencukupi seperti air dan elektrik sangatlah penting bagi meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup penduduk. Dalam tahun 1980, seramai 58.7% penduduk telah dibekalkan dengan air yang selamat dan keadaan ini telah meningkat kepada 89% dalam tahun 1995. Liputan penduduk bandar meningkat daripada 89% kepada 99%, sementara liputan kawasan luar bandar pula meningkat daripada 42.9% kepada 77%.


Liputan bekalan elektrik bagi penduduk meningkat daripada 77% dalam tahun 1980 kepada 92% dalam tahun 1995. Liputan penduduk bandar meningkat daripada 94% kepada 99% manakala liputan bagi kawasan luar bandar meningkat daripada 60% kepada 92%.

Kadar penembusan negara bagi kemudahan telefon telah meningkat dari 4.4 talian telefon untuk setiap 100 orang dalam tahun 1980 kepada 16.6 talian telefon dalam tahun 1995. Peningkatan kadar penembusan bagi kemudahan telefon disebabkan oleh kenaikan taraf jaringan yang sedia ada melalui teknologi baru seperti digital, optik fibre dan sebagainya. Dalam tempoh tersebut, langganan sektor kediaman meliputi 72.3% dari jumlah keseluruhan langganan talian telefon berbanding dengan 57.7% dalam tahun 1980, manakala langganan sektor perniagaan menurun daripada 42.3% kepada 27.7%.

Perumahan

Carta 10.15

Unit Perumahan Siap di bina oleh Agensi Kerajaan dan Pemaju Swasta Mengikut Kategori Kos



Sumber : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan


Penyediaan perumahan yang mencukupi, mampu dimiliki dan berkualiti untuk semua penduduk Malaysia terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah telah diberi keutamaan oleh kerajaan.

Jumlah rumah yang dibina meningkat daripada 35,561 unit dalam tahun 1981 kepada 134,484 unit dalam tahun 1995. Dari jumlah tersebut, rumah kos rendah meliputi 29.4% dalam tahun 1995 berbanding dengan 40.1% dalam tahun 1981. Walau bagaimanapun dari segi unit yang dibina, sebanyak 39,556 unit rumah kos rendah telah dibina oleh agensi kerajaan dan sektor swasta pada tahun 1995 berbanding dengan 14,272 unit pada tahun 1981.

Keselamatan Awam

Carta 10.16


Peratusan Kemalangan Industri
Mengikut Sektor



Sumber : Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (SOCSCO)

Carta 10.17

Jumlah Penerima dan Bayaran Akibat dari
Kemalangan Industri Mengikut Skim



Sumber : Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (SOCSCO)

Sebanyak 114,134 kes kemalangan industri telah berlaku dalam tahun 1995 berbanding dengan 121,104 kes pada tahun 1990. Dalam 5 tahun yang lepas, trend kemalangan industri secara keseluruhannya telah menunjukkan penurunan sebanyak 0.7% dalam tahun 1995 berbanding dengan peningkatan sebanyak 3.1% dalam tahun 1991 akibat dari peningkatan penguatkuasaan Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerja 1994 dan Akta Mesin dan Kilang 1967. Bagi meningkatkan tahap kesedaran di kalangan majikan, pekerja dan orang awam, kempen 'ke arah budaya kerja yang sihat dan selamat' telah dilancarkan pada bulan September 1996.

Pada tahun 1995, sektor perkilangan mencatatkan jumlah kes kemalangan industri yang paling tinggi iaitu 62,483 kes atau 54.7% dari jumlah kemalangan yang dilaporkan, diikuti oleh pertanian, perhutanan dan perikanan yang bersama mencatatkan sebanyak 20,465 kes atau 17.9%. Sektor pembinaan, perkhidmatan dan pengangkutan masing-masing mencatatkan 8.9%, 5.4% dan 4.2% jumlah kes kemalangan.

Terdapat 2 skim pampasan yang disediakan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (SOCSCO) iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Sebanyak RM282.2 juta telah dibayar dalam tahun 1995 kepada 182,763 pekerja. Dari jumlah tersebut, 64.5% atau RM182 juta telah dibayar di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan 35.5% atau RM100 juta di bawah Skim Pencen Ilat. Dari jumlah pembayaran di bawah Skim Bencana Pekerjaan, sebanyak RM82 juta telah dibayar kepada 94,290 pekerja cacat kekal diikuti oleh RM37 juta untuk kemalangan perjalanan meliputi 222 pekerja, RM32.2 juta bagi faedah bagi waris meliputi seramai 13,877 pekerja dan RM29.2 juta bagi pekerja hilang upaya sementara meliputi 94,290 pekerja. Di bawah Skim Pencen Ilat, jumlah pembayaran tertinggi telah dibuat kepada pencen *survivor* berjumlah RM60.4 juta meliputi seramai 43,377 pekerja diikuti oleh pencen ilat/pemberian ilat berjumlah RM34.7 juta dan meliputi 8,691 pekerja dalam tahun 1995.